

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 2 TAHUN 2018**

**PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8 AKTA PERWAKILAN
KUASA 1956 DAN DI BAWAH SEKSYEN 13 KANUN TANAH NEGARA
1965 KEPADA PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BAGI KELULUSAN PERMIT RUANG UDARA DI BAWAH
SEKSYEN 75A KANUN TANAH NEGARA 1965**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 18/2016 yang bersidang pada 21hb. September 2016 telah membuat keputusan untuk mewakilkan kuasa kepada Yang Amat Berbahagia Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan di bawah Seksyen 8 Akta Perwakilan Kuasa 1956 yang disiarkan dalam Warta Kerajaan Kelantan Kn.P.U. 1 bertarikh 5hb. Januari 2017 bagi melaksanakan kuasa berikut :

- i) Kuasa meluluskan mana-mana permohonan pengeluaran permit penggunaan ruang udara atas tanah kerajaan atau tanah rizab di bawah Seksyen 75A Kanun Tanah Negara 1965.
 - ii) Kuasa meluluskan mana-mana permohonan pengeluaran permit penggunaan ruang udara atas tanah kerajaan bagi maksud permohonan Strata di bawah Seksyen 75A Kanun Tanah Negara 1965.
2. Dengan perwakilan kuasa ini, sebarang permohonan permit ruang udara bagi maksud permohonan Strata atau lain-lain permohonan yang berkaitan dengan permit ruang udara di bawah Seksyen 75A Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah diangkat kepada Yang Amat Berbahagia Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan untuk mendapat kelulusan.

3. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K (KELANTAN), K.M.N
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU,
KELANTAN.**

FAIL : PTG.KN.333/01/260/1/1 SJ.1 (PERWAKILAN KUASA)
: PTG.KN.11/6/1 (PEKELILING)
BERTARIKH : 15 RAMADHAN 1439H
31 MEI 2018